

21 JAN 1999

UMNO SABAH DIJANGKA KEMUKA BEBERAPA MUKA BARU

TAWAU, 21 Jan (Bernama) -- Beberapa muka baru dijangka mewakili Umno dalam pilihan raya negeri akan datang, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam hari ini.

"Muka baru sebagai calon pasti ada tetapi berapa banyak muka baru itu, masih belum diketahui kerana ia akan diperincikan kemudian," katanya.

Osu yang juga Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan negeri berkata senarai cadangan calon daripada bahagian khususnya yang diwakili Umno telah dikemukakan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk pemilihan.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri rumah terbuka anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Merotai Datuk Abdul Ghapur Salleh, di sini.

Penyenaraian nama calon itu turut mengambil kira kehendak kepimpinan dari peringkat atas hingga ke peringkat akar umbi, katanya.

"Proses pemilihan calon Umno telah dilalui beberapa kali dengan mengambil kira latarbelakang calon yang cukup baik, bersih dan sanggup memberikan perkhidmatan kepada parti dan negara," katanya.

Terdahulu, Osu mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Umno bahagian Merotai dan Kalabakan untuk memantapkan jentera pilihan raya bagi kedua-dua kawasan itu.

-- BERNAMA

IL PR